

## SENANDIKA

### Objektif Pelajaran:

Murid:

1. Memahami isi-isi penting dalam cerpen yang dibaca
2. Menulis sebuah catatan diari sebagai watak utama cerpen

### Strategi/Aktiviti:

1. Strategi *Anticipation Guide*
2. Catatan Diari

### Saranan Pengajaran dan Pembelajaran

Peranan Guru	Peranan Pelajar
<b>Sebelum</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meminta pelajar memberikan respons peribadi bagi setiap pernyataan yang diberi dalam kolom 'Sebelum Membaca'</li> <li>• meminta pelajar menerangkan respons masing-masing</li> </ul>	<b>Sebelum</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• memberi respons dengan membulatkan 'Setuju' atau 'Tidak Setuju' bagi setiap pernyataan yang diberi</li> <li>• membincangkan respons masing-masing dengan memberi alasan yang munasabah</li> </ul>
<b>Semasa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meminta pelajar membaca cerpen 'Senandika' dengan teliti</li> <li>• mengarahkan pelajar supaya memberikan respons peribadi bagi setiap pernyataan yang sama dalam kolom 'Selepas Membaca'</li> <li>• meminta pelajar menerangkan respons masing-masing</li> </ul>	<b>Semasa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• membaca keseluruhan cerpen 'Senandika' dengan teliti</li> <li>• memberi respons dengan membulatkan 'Setuju' atau 'Tidak Setuju' bagi pernyataan-pernyataan yang sama</li> <li>• membincangkan respons masing-masing</li> </ul>
<b>Selepas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meminta pelajar menghayati watak Qisya dan menulis sebuah catatan diari sebagai Qisya</li> <li>• meminta pelajar menulis respons e-mel berdasarkan rangsangan yang diberikan sebagai aktiviti lanjutan</li> </ul>	<b>Selepas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• membayangkan diri mereka sebagai Qisya dalam cerpen 'Senandika'</li> <li>• menulis sebuah catatan diari untuk menggambarkan perasaan dan renungan Qisya mengenai perkara-perkara yang berlaku dalam cerpen tersebut</li> <li>• menulis respons e-mel seperti yang diminta guru</li> </ul>

### Aktiviti 1

#### STRATEGI ANTICIPATION GUIDE

#### Tajuk Cerita: Senandika


Baca setiap pernyataan yang berikut dan beri respons kamu dengan membulati 'Setuju' atau 'Tidak Setuju', sebelum membaca cerpen. Bincangkan respons kamu dengan rakan sedarjah. Kemudian, baca cerpen 'Senandika' dengan teliti. Selepas membaca, bulati 'Setuju' atau 'Tidak Setuju' bagi pernyataan-pernyataan yang sama.

Sebelum Membaca		Pernyataan	Selepas Membaca	
Setuju	Tidak Setuju	1. Kita berhak melanggar peraturan demi menuntut bela seorang sahabat yang teraniaya.	Setuju	Tidak Setuju
Setuju	Tidak Setuju	2. Kita mesti mematuhi dan menjalankan perintah ketua setiap masa.	Setuju	Tidak Setuju
Setuju	Tidak Setuju	3. Kita harus sentiasa menghormati kemahuan sahabat kita.	Setuju	Tidak Setuju
Setuju	Tidak Setuju	4. Kita harus menyimpan rahsia sahabat kita walaupun sukar.	Setuju	Tidak Setuju
Setuju	Tidak Setuju	5. Kita tidak patut campur tangan dalam hal peribadi sahabat kita.	Setuju	Tidak Setuju
Setuju	Tidak Setuju	6. Kita wajar membiarkan sahabat kita bertindak sesuka hatinya.	Setuju	Tidak Setuju

## Aktiviti 2

### MENULIS CATATAN DIARI

Bayangkan diri kamu sebagai Qisya dalam cerpen 'Senandika'. Tulis sebuah catatan diari mengenai perkara-perkara yang berlaku dalam cerpen itu. Gambarkan perasaan dan renungan kamu terhadap perkara-perkara tersebut. Catatan diari kamu haruslah tidak kurang daripada 120 patah perkataan.



## Aktiviti Tambahan

### MENULIS E-MEL TIDAK RASMI

Qisya telah mengutus e-mel kepada rakan sekolah rendahnya, Ramizah, untuk meminta pandangannya tentang dilema yang sedang dia hadapi. Anggaphlah diri kamu sebagai Ramizah. Baca e-mel yang berikut dan kirimkan respons kamu kepada Qisya.



Ramizah

Apa khabar? Sudah lama kita tidak saling berkirim e-mel. Saya rasa masa berlalu dengan agak pantas pada penggal ini. Sungguhpun demikian, saya pasti awak tetap mempunyai prestasi yang cemerlang di sekolah.

Sebenarnya, saya sedang menghadapi suatu dilema. Baru-baru ini, saya mendapat tahu bahawa salah seorang sahabat baik saya mungkin menghidap penyakit bulimia. Kelmarin, saya mendapati bahawa dia telah memuntahkan semula makanan yang dimakannya pada waktu makan tengah hari. Apabila saya menyolnya, dia berkata bahawa dia tahu mengawal dirinya dan meminta saya untuk merahsiakan perkara ini daripada orang lain.

Saya tahu bahawa perbuatan ini akan membahayakan dirinya. Namun, saya juga bimbang persahabatan kami akan terputus sekiranya saya memberitahu seseorang mengenainya. Apakah yang harus saya lakukan? Saya harap awak dapat membantu saya membuat keputusan yang bijak.

Sampai di sini sahaja e-mel saya. Saya nantikan balasan e-mel daripada awak. Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas

Qisya

### Soalan-soalan perbincangan berdasarkan cerpen 'Senandika'.

1. Apakah yang menarik tumpuan Qisyah Azzahra di laman beritaharian.sg?
2. Nyatakan tanggapan Eisleyna terhadap Hang Tuah.
3. Jelaskan pemikiran sesetengah masyarakat Melayu hari ini tentang Hang Jebat.
4. Mengapakah Qisyah menganggap perbuatan Eisleyna sebagai 'menzalimi dirinya sendiri'?
5. Terangkan dilema yang dihadapi oleh Qisyah.
6. Sekiranya kamu Qisyah, apakah tindakan yang akan kamu ambil?
7. Nyatakan satu pengajaran yang kamu peroleh daripada cerita 'Senandika'.

## ATUK

### Objektif Pelajaran:

Murid:

1. Memahami cerpen yang dibaca dan mampu menjawab soalan-soalan yang disediakan
2. Mempelajari beberapa peribahasa dan maknanya

### Strategi/Aktiviti:

1. Penggunaan KWL (*Know – Want to Know – Learnt*)

### Saranan Pengajaran dan Pembelajaran

Peranan Guru	Peranan Pelajar
<p><b>Sebelum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meminta pelajar meneliti cerpen 'Atuk' berdasarkan tajuk dan ilustrasinya</li> <li>• meminta pelajar mencatat perkara yang mereka tahu tentang cerpen dalam ruang '<i>What I know</i>' tentang cerpen</li> </ul>	<p><b>Sebelum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meneliti tajuk dan ilustrasi yang terdapat dalam cerpen 'Atuk'</li> <li>• membuat kesimpulan dan mencatat apa yang mereka tahu di ruang '<i>What I know</i>'</li> </ul>
<p><b>Semasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meminta pelajar membaca dua perenggan cerpen 'Atuk'. Kemudian guru meminta pelajar mencatat apa yang ingin mereka tahu (<i>what I want to know</i>) tentang cerpen ini.</li> <li>• meminta pelajar berhenti membaca di pertengahan cerita. Guru kemudiannya meminta murid mencatat apa yang mereka ingin tahu tentang kesudahan cerpen</li> <li>• meminta murid untuk menggarisi peribahasa yang ditemui semasa membaca cerpen sehingga selesai</li> </ul>	<p><b>Semasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• membaca cerpen 'Atuk' dengan teliti</li> <li>• kemudian, selepas membaca dua perenggan cerpen 'Atuk', pelajar mencatat apa yang ingin mereka tahu selanjutnya tentang cerpen 'Atuk'</li> <li>• pelajar boleh berhenti di pertengahan buku dan mencatat lagi apa yang ingin mereka tahu tentang kesudahan cerpen 'Atuk'</li> <li>• menggarisi peribahasa yang terdapat dalam cerpen 'Atuk'</li> </ul>
<p><b>Selepas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meminta pelajar mencatat apa yang mereka pelajari mengenai cerpen yang dibaca di ruang apa yang dipelajari (<i>What I learnt</i>)</li> <li>• meminta pelajar berbincang tentang makna peribahasa yang ditemui dalam cerpen</li> </ul>	<p><b>Selepas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mencatat apa yang dipelajari tentang cerpen di ruang '<i>What I learnt</i>'</li> <li>• memberikan respons tentang peribahasa dan maknanya. Mengisi aktiviti 4 – peribahasa dan maknanya</li> </ul>

**Aktiviti 1 - Sebelum – Semasa – Selepas Membaca**

Pelajar melaksanakan aktiviti pembelajaran berdasarkan bimbingan guru menggunakan Strategi KWL.

**STRATEGI KWL**

<b>Sebelum K = What I KNOW</b>	<b>Semasa W = What I WANT to Know</b>	<b>Sebelum K = What I LEARNT</b>
<p><b>Arahan:</b> Berdasarkan tajuk dan ilustrasi yang terdapat dalam cerpen 'Atuk, catat perkara-perkara yang saya tahu (<i>What I want to know?</i>) tentang cerpen 'Atuk'.</p>	<p><b>Arahan:</b> Baca dua perenggan cerpen 'Atuk'. Kemudian catat perkara-perkara yang anda ingin tahu tentang cerita 'Atuk'. Berhenti di pertengahan cerita, catat lagi perkara yang ingin anda tahu tentang kesudahan cerpen di ruang '<i>What I want to know</i>'.</p>	<p><b>Arahan:</b> Selesaikan membaca cerpen 'Atuk'. Catat perkaraperkara yang anda pelajari daripada cerpen yang dibaca.</p>

**Aktiviti 2 - Peribahasa dan Maknanya**

Arahan: Berbincang dan jelaskan makna peribahasa yang terdapat dalam cerpen 'Atuk'.

<b>Peribahasa</b>	<b>Makna</b>
Sekilas ikan di laut, sudah tahu jantan dan betina	
Bagai ikan pulang ke lubuk	
Durian runtuh	
Pisang tidak berbuah dua kali	
Kalau ingin melentur buluh, biar dari rebungunya	
Burung terbang dipipiskan lada	

Nota:

Pelajar juga boleh digalakkan membina ayat menggunakan peribahasa atau makna peribahasa di atas.

### Soalan-soalan perbincangan berdasarkan cerpen 'Atuk'.

1. Mengapakah bapa penulis tersenyum ketika memberitahu penulis bahawa mereka akan bercuti di kampung Atuk pada tahun hadapan?
2. Apakah perkara-perkara yang dapat menggembirakan penulis ketika bercuti di kampung Atuknya?
3. Apakah pekerjaan Atuk penulis?
4. Mengapakah Atuk penulis masih bertahan mengamalkan tradisi membatik walaupun tidak begitu menguntungkan?
5. Jelaskan dua makna peribahasa yang boleh kamu dapati dalam cerpen ini.
6. Jelaskan satu perkara yang menyebabkan Atuk 'kesal'?
7. Berikan satu pengajaran daripada cerita ini?

### RAHSIA

#### Objektif Pelajaran:

Murid:

1. Membaca dan memahami isi kandungan cerpen
2. Menyenaikan perkataan yang baharu, membina soalan dan mengaitkan perkataan "anak" kepada peribahasa yang mereka tahu setelah menonton stimulus video
3. Memberikan beberapa saranan atau 'menyelesaikan masalah' (PBL) kepada teman yang menghadapi masalah melalui kiriman e-mel tak rasmi

#### Strategi/Aktiviti:

1. Menonton klip video sebagai stimulus rangsangan
2. 3-2-1 *Bridge*
3. *Hot Seat*
4. Menulis e-mel kiriman tak rasmi

#### Saranan Pengajaran dan Pembelajaran

Peranan Guru	Peranan Pelajar
<p><b>Sebelum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• memainkan stimulus video Astro Awani dari youtube.com mengenai selebriti Remy Ishak yang mengambil dua anak angkat</li> <li>• memberikan templat untuk meminta pelajar menuliskan dapatan mereka melalui kaedah rutin berfikir '3-2-1 <i>Bridge</i>'</li> <li>• memilih beberapa orang pelajar untuk berkongsi dapatan mereka secara rambang</li> </ul>	<p><b>Sebelum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menonton klip video yang diminta guru dengan teliti dan memahami wawancara yang dibuat terhadap selebriti tersebut</li> <li>• mengisi templat 1-2-3 <i>Bridge</i> secara individu</li> <li>• berkongsi dengan pasangan mereka mengenai jawapan yang telah mereka coretkan</li> </ul>
<p><b>Semasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• meminta pelajar membaca cerpen 'Rahsia'</li> <li>• meminta pelajar melihat templat 3-2-1 <i>Bridge</i> kembali dan mengisi respons yang baharu mengenai "anak angkat"</li> <li>• meminta pelajar membandingkan respons awal dengan respons baharu</li> <li>• meminta pelajar untuk membuat keputusan melalui teknik "<i>Hot Seat</i>" Semasa</li> <li>• menyediakan 3 kertas sebak yang mengandungi arahan dan melekatkan kertas sebak di tiga penjur di dalam kelas</li> </ul>	<p><b>Semasa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• membaca cerpen 'Rahsia' dan memahami cerita tersebut</li> <li>• menulis dapatan baharu mengenai anak angkat di dalam templat 3-2-1 <i>Bridge</i></li> <li>• meneliti dan membandingkan respons awal dengan respons baharu</li> <li>• bergerak ke sudut pilihan mereka untuk menjalankan aktiviti '<i>Hot Seat</i>'</li> <li>• seorang wakil akan dilantik untuk menerangkan mengapa mereka memilih sudut tersebut</li> </ul>
<p><b>Selepas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menyediakan tugas menulis e-mel tak rasmi kepada pelajar untuk dilakukan secara individu</li> </ul>	<p><b>Selepas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• menulis e-mel tak rasmi dan memberikan jalan keluar bagi menangani masalah yang dihadapi oleh watak</li> </ul>

**Aktiviti 1**

Arahan: Tonton video wawancara bersama Remy Ishak. Kemudian isikan jawapan kamu di dalam templat ini.

**STRATEGI KWL**

Respons Awal		Respons Baharu
<b>Senaraikan 3 perkataan</b> yang kamu pelajari daripada <b>Video</b> tersebut:  a.  b.  c.	<b>BRIDGE</b>	<b>Senaraikan 3 perkataan</b> yang kamu pelajari daripada <b>cerpen</b> yang telah dibaca:  a.  b.  c.
<b>Senaraikan 2 soalan</b> yang kamu ada setelah menonton video itu:  d.  e.		<b>Senaraikan 2 soalan</b> yang kamu ada setelah membaca cerpen Rahsia:  d.  e.
Berikan 1 peribahasa yang berkaitan dengan perkataan "anak":  f.		Berikan 1 peribahasa yang berkaitan dengan perkataan "anak":  f.

**Aktiviti 2 – "HOT SEAT"**

Arahan: Pelajar akan bergerak ke sudut pilihan mereka secara senyap. Ketika berada di sudut tersebut, mereka akan berbincang dan memberikan penjelasan tentang keputusan yang mereka ambil.

**Kertas Sebak**


Watak harus ikut ayahnya pulang ke pangkuan keluarga sebenar

Watak harus tetap tinggal dengan neneknya

Watak tidak ikut sesiapa dan lari dari rumah untuk tinggal sendiri atau tinggal dengan rakannya. Dengan cara itu, tiada sesiapa yang akan terluka.

### Aktiviti 3

Arahan: Jawab e-mel tak rasmi yang dikirim watak kepada kamu dan berikan beberapa saranan untuk menanganinya



### Soalan-soalan perbincangan berdasarkan cerpen 'Atuk'.

1. Apakah sebenarnya 'Rahsia' yang disebutkan dalam cerita ini?
2. Siapakan lelaki yang sering mengekori dan mengunjunginya gerai Nenek?
3. Apakah tindakan Nenek menghindari lelaki itu wajar? Berikan pandangan kamu.
4. Pada pandangan kamu, wajarkah Nenek menyembunyikan 'Rahsia' daripada Shima?
5. Apakah pandangan kamu mengenai isu menjaga atau memelihara anak angkat? Berikan pandangan kamu.
6. Berikan satu pengajaran daripada cerita ini

## DENDAM MERGASTUA

### Objektif Pelajaran:

Murid:

- Memahami teks dan dapat menjawab soalan-soalan kefahaman
- Dapat menulis skrip dan melakonkan cerita

### Strategi/Aktiviti:

- Teknik Drama – Main Peran

### Saranan Pengajaran dan Pembelajaran

Peranan Guru	Peranan Pelajar
<b>Sebelum</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>meminta pelajar membaca dan meneliti teks 'Dendam Mergastua'</li> </ul>	<b>Sebelum</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>membaca dan meneliti teks 'Dendam Mergastua'</li> </ul>
<b>Semasa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan</li> <li>membahagikan cerita kepada beberapa bab</li> <li>membahagikan bab-bab cerita kepada kumpulan yang berbeza</li> <li>meminta setiap kumpulan menghasilkan skrip daripada cerpen 'Dendam Mergastua' secara berkumpulan</li> </ul>	<b>Semasa</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>berbincang dengan rakan mengenai tugas yang diberikan</li> <li>melakarkan draf skrip berdasarkan bahagian yang diberikan oleh guru</li> <li>menghasilkan skrip daripada cerpen 'Dendam Mergastua' secara berkumpulan</li> </ul>
<b>Selepas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>meminta pelajar melakonkan cerita daripada skrip yang dihasilkan</li> <li>menyediakan rubrik persembahan pelajar</li> </ul>	<b>Selepas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>melakonkan cerita daripada skrip yang dihasilkan</li> <li>memberi respons dalam rubrik persembahan murid yang telah disiapkan</li> </ul>

### CONTOH: SKRIP DRAMA CERPEN 'DENDAM MERGASTUA'

Arahan: Tulis sebuah skrip daripada cerpen 'Dendam Mergastua'

### BABAK 1 - Contoh

#### Latar:

Di dalam sebuah hutan hujan, Sang Raja Rimba berdiri di atas sebuah batu besar di sebelah pokok petualang. Dia menghadap para mergastua yang sedang berhimpun.

No	Watak	Dialog
1	Sang Raja Rimba	Wahai, kaum mergastua yang taat akan perintah sang pencipta alam! Beta mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua wakil mergastua. Pertemuan ini sangat penting. Perkhabaran buruk telah datang kepada kita. Laksamana Helang akan memberikan penjelasan. Silakan, wahai Laksamana Helang.
2	Laksamana Helang	Salam hormat kepada kaumku mergastua yang hamba muliakan! Hamba baru pulang dari Persidangan Alam. Nampaknya, manusia semakin hari semakin mengganas. Segala amukan alam untuk memberi mereka amaran, seakan tidak dipedulikan. Tsunami telah dilancarkan, banjir kilat telah dilepaskan. Gempa bumi telah diledakkan. Gunung berapi sudah pun diaktifkan. Kepanasan global pula sedang menjalankan kewajibannya dengan taat. Banyak nyawa dan harta benda manusia telah musnah. Tidak terkecuali kaum kita yang tidak berdosa. Namun, sia-sia sahaja! Manusia terus-menerus melakukan kerosakan dan penghinaan di atas muka bumi ini. Kita semua harus bertindak. Jika tidak, semua yang ada di bumi ini akan terhapus!
3	Sang Kancil	Oleh itu apakah yang harus kita lakukan, wahai Laksamana Helang.
4	Sang Helang	Hamba sudah merangkakan strategi perang terhadap manusia. Tetapi kita harus berhati-hati kerana manusia sangat bijak. Kita juga harus bersedia menerima risiko demi kedamaian bumi ini untuk generasi akan datang.
5	Sang Kancil	Sepandai-pandai manusia, ada bodohnya juga. Ke manakah mereka akan pergi kalau bumi terhapus? Adakah mereka fikir mereka boleh lari ke bulan atau ke Marikh.
6	Sang Helang	Ayuh! Kamu semua adalah wakil kaum sejenis kamu. Kita akan berbincang lagi tentang strategi kita. Tetapi, ingat! Tugas kita bukanlah untuk menghukum manusia atau menghapuskan mereka. Mereka tetap khalifah kita di bumi ini. Kita ditugaskan hanya untuk menakutkan mereka supaya mereka sedar."



**Aktiviti 1 - Membina Skrip**

Arahan: Bina skrip berdasarkan cerpen 'Dendam Mergastua' seperti yang diminta oleh guru.

Kumpulan: \_\_\_\_\_

Latar: \_\_\_\_\_




\_\_\_\_\_

No	Watak	Dialog
1		
2		
3		
4		
5		
6		

**Soalan-soalan perbincangan berdasarkan cerpen 'Dendam Mergastua'.**

1. Mengapakah segala mergastua berhimpun di hutan?
2. Mengapakah segala mergastua berasa tidak puas hati terhadap tindakan manusia?
3. Apakah strategi yang dirancang oleh Sang Helang?
4. Mengapakah ada haiwan yang kebingungan dengan sikap manusia?
5. Apakah yang boleh dilakukan oleh manusia untuk menghentikan musibah yang melanda mereka?
6. Apakah 'bunyi semboyan' yang dimaksudkan dalam perenggan terakhir? Jelaskan.
7. Berikan pengajaran yang kamu peroleh daripada cerita ini.

STRATEGI UMUM – KEFAHAMAN MEMBACA

<p><b>Baca Semula Teks</b></p> <p>lebih banyak maklumat = lebih memahami</p>	<p><b>Aktifkan Pengentahuan Sedia Ada</b></p> 	<p><b>Gunakan Klu Berdasarkan Konteks</b></p> 
<p><b>Menjangka Makna</b></p> <p>Baca yang tersirat, hubungan antara teks...</p>	<p><b>Think Aloud (Berfikir Lantang)</b></p> 	<p><b>Ringkaskan Cerita</b></p> <p>Watak → Latar → Masalah → Peleraian</p>

STRATEGI UMUM – KEFAHAMAN MEMBACA



## SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,  
Selasih tumbuh di hujung taman;  
Kalungan budi junjungan kasih,  
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah menaulliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Rahsia** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi pelajar di sekolah menengah di Singapura.



Ministry of Education  
SINGAPORE

